


A R T /

I N N O V A T I O N

PART I



... issue. The...
... actors who play...
... that is existentially threat...
... government,
... represented by high-ranking officials, lobbyists, and
... even pressure from a group are all examples of securitizing
... tizing actors. Next is the issue or threat that potentially
... brings harmful effects towards peace and stability of
... of the country and lastly is the reference object or who
... needs the security. This is how actors secure the

... eg...
... that those mo...
... actors, political...
... individuals can h...
... ing or ensuring their own se...
... Anthony M., 2018). One of the m...
... global Non-Traditional Security risks is the
... COVID-19 pandemic. This worldwide health crisis
... has resulted in an unacceptably high number of deaths
... and a significant economic impact.

Securitization theory, which is employed as a frame-
work analysis, is the basic theory that underpins the
analysis in this study. Securitization developed from
Copenhagen School (COPRI – Copenhagen Peace
Research Institute) of security studies pioneered by
Barry Buzan, Ole Weaver and Jaap De Wilde (1998),

© Unit Penerbitan UiTM Perak, 2023

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means; electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise; without permission on writing from the director of Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Cataloguing in Publication Data

No eISSN: 2805-5071

Cover Design: Nur Muhammad Amin Bin Hashim Amir
Typesetting : Syed Alwi Bin Syed Abu Bakar (Dr.)¹
Aznan Bin Omar (Dr.)²

E

Editorial Board

PATRON OF HONOR

Professor Madya Dr Nur Hisham Ibrahim
(Rector, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

ADVISOR

Dr Zainudin Md Nor
(Head of the Faculty, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHAIRMAN

Dr Aznan Omar¹
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Hamidi Hadi²
(Program Coordinator, Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF EDITORS

Dr Syed Alwi Syed Abu Bakar¹
(Department of Fine Art, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)
Dr Aznan Omar²
(Curator, Al-Biruni Galeri, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

EDITORS

Dr Hamidi Hadi
Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad
En Noor Enfendi Desa
Dr Azian Tahir
En Mahizan Hijaz Mohammad
Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
En Muhammad Salehuddin Zakaria
Pn Hairulnisak Merman
En Anwar Fikri Abdullah
En Nur Muhammad Amin Hashim Amir
Pn Wan Nurhasyimah Wan Mohd Apani
En Mohd Nafis Saad

SECRETARY

Pn Siti Humaini Said Ahmad @ Syed Ahmad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

TREASURER

En Noor Enfendi Desa
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF PANEL REVIEW

Dr Azian Tahir
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TRANSLATION

En Mahizan Hijaz Mohammad
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF PUBLIC RELATION

Pn Wan Nurhasyimah Wan Mohd Apani
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DOCUMENTATION

Pn Nur Adibah Nadiyah Mohd Aripin
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF PROMOTION

En Muhammad Salehuddin Zakaria
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF TECHNICAL

Pn Hairulnisak Merman¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DESIGN

En Anwar Fikri Abdullah²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DESIGN

En Nur Muhammad Amin Hashim Amir¹
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

CHIEF OF DESIGN

En Mohd Nafis Saad²
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

COMMITTEE MEMBER

Cik Norazliyani Binti Mazli
(Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Malaysia)

INOVASI NAMA SAMARAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT MELAYU

a chapter by

NAZIMA VERSAY KUDUS & WAN NOORLI RAZALI

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang



Abstrak

Nama samaran adalah sejenis bentuk penamaan yang tidak asing dalam kalangan masyarakat Melayu yang digunakan untuk pelbagai sebab. Dahulu nama samaran hadir dalam pembentukan nama pena dan berkisar tentang alam semula jadi (flora, fauna dan keadaan alam), sahsiah dan keperibadian, kepahlawanan, kepimpinan dan kerohanian. Kini, nama samaran digunakan semasa permainan dalam talian dan nama pentas yang banyak dipengaruhi penamaan dalam Bahasa Inggeris dan bahasa serta budaya lain seperti Cina dan Jepun. Perubahan dalam penamaan ini boleh dilihat sebagai satu bentuk perubahan budaya dan pemikiran. Inovasi dalam sistem penamaan ini sedikit sebanyak mempengaruhi jati diri masyarakat Melayu.

Pengenalan

Sudah menjadi kebiasaan seseorang manusia itu selain nama sebenar (nama batang tubuh atau nama daging) atau nama sah yang didaftarkan dalam rekod rasmi negara, mempunyai panggilan-panggilan lain termasuk nama samaran. Nama samaran ditakrifkan sebagai nama yang bukan sebenar yang digunakan oleh penulis, pengarang, artis, penipu atau penyamar (scammer) dan pengguna media sosial bertujuan untuk menyembunyikan nama sebenar. Nama lain bagi nama samaran adalah pseudonim atau nama pedengan. Pedengan bermaksud “sesuatu untuk menutup seperti layar, tabir, tirai” (Kamus DBP Online, 2017). Sebagai kiasan ia merupakan sesuatu yang digunakan untuk menutup atau menyembunyikan maksud yang sebenarnya seperti dalih atau topeng (Kamus DBP Online, 2017).

Objektif Kajian

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan nama samaran dalam kalangan masyarakat Melayu?
2. Bagaimanakah proses inovasi nama samaran berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu?

Metodologi

Korpus nama-nama samaran yang digunakan dikumpulkan dari bahan-bahan seperti senarai nama pena penulis-penulis Melayu, nama samaran yang digunakan para pemain liga antarabangsa PUBG Mobile dan penyanyi hip hop dalam keratan-keratan akhbar dan laman web. Nama-nama ini kemudiannya dikategorikan dan dianalisis bagi melihat pembentukan nama tersebut dari sudut linguistik melalui struktur perkataan atau sintaks, bunyi atau fonetik dan makna atau semantik.

Sorotan Kajian

Tidak banyak kajian ilmiah tentang penggunaan nama samaran yang direkodkan dalam jurnal-jurnal di Malaysia berbanding laporan-laporan akhbar berkaitan isu tersebut. Ding Choo Ming (1984) mengkatalogkan senarai penulis Melayu menggunakan nama samaran atau singkatan. M. Muslimin (2020) menjalankan satu kajian kualitatif sebab penggunaan pseudonim dalam akaun media sosial. Alasan dikemukakan responden adalah untuk mengekalkan privasi, memberi keseronokan, keselesaan dan kebebasan semasa berkomunikasi, mencegah jenayah, memudahkan nama pengguna, lebih menjadi diri sendiri, mencipta imej yang baharu, menutup identiti sebenar, dan lebih bebas memuat naik

status mengikut kehendak. Allen dan Wiles (2015) menemu bual para responden tentang pemilihan nama samaran dalam satu projek penyelidikan. Dapatan menunjukkan nama samaran yang dipilih bukan semata-mata prosedur teknikal, tetapi mempunyai makna psikologi kepada peserta. Menurut Aleksiejuk (2016) pula, fenomena penamaan peribadi di Internet dipilih berdasarkan tahap kerahsiaan, pendedahan identiti dan pengiklanan diri. Penamaan samaran di Internet dilihat hampir serupa dengan wacana di dalam blog dan laman web peribadi.

Faktor-faktor penggunaan nama samaran

Terdapat pelbagai faktor penggunaan nama samaran. Seseorang boleh menggunakannya dengan tujuan baik atau sebaliknya. Secara dasarnya nama samaran bertujuan untuk melindungi diri penama dari dikenali. Bentuk penamaan ini digunakan berleluasa, jika dahulu di dalam media cetak, kini dalam kalangan pengguna media sosial dan elektronik.

Bereksperimen

Nama pena adalah salah satu bentuk nama samaran yang selalunya digunakan penulis untuk melindungi identiti yang sebenar. Menurut Yeo (2022), penulis menggunakan nama pena kerana mereka ingin mencuba bentuk penulisan genre yang berbeza tanpa menggunakan nama sedia ada.

Tidak kenampakan terlalu produktif

Sesetengah penulis yang sangat prolifik menulis lebih daripada satu buku setiap tahun. Penerbit menggunakan nama samaran kerana mereka bimbang terlalu banyak buku oleh pengarang yang sama akan mengakibatkan ketidaklarisan buku mereka di pasaran (Nadiatulkhaira, 2018).

Dilihat lebih komersial

Pengarang Sevillian Francisco de Paula Fernández, memilih untuk dikenali sebagai Blue Jeans. Novel-novelnya berkisar tentang watak-watak remaja mengalami perasaan cinta, keanehan perasaan, persahabatan, pengkhianatan dan pengalaman baru dalam hidup yang membentuk

personaliti dewasa. Nama yang komersial, cerita dan gaya penulisan ini telah menarik minat para belia untuk membeli bukunya (Ibáñez, 2015).

Mengurangkan tekanan

Joanne Rowling yang terkenal dengan pseudonim JK Rowling semasa menulis siri buku Harry Potter menggunakan nama samaran Robert Gailbraith untuk buku bersiri jenayah, Cormoran Strike. Jelas Rowling dia mahu mengeluarkan buku baharu itu kepada khalayak neutral, tanpa sebarang tekanan, jangkaan atau gembar-gembur. Dalam kata lain beliau ingin melarikan diri dari imej yang telah terbentuk semasa menulis buku-buku Harry Potter (Waters, 2022).

Menyembunyikan identiti gender

Pengarang wanita Barat pada abad kesembilan belas (dan sebelumnya), tidak dapat menerbitkan karya mereka kerana masyarakat pada masa itu beranggapan pekerjaan itu tidak bersesuaian dengan wanita. Adik beradik Brontë, Charlotte, Emily dan Anne Brontë menulis koleksi sajak mereka di bawah nama samaran Currer, Ellis dan Acton Bell (Buzwell, 2020). Mary Ann Evans menggunakan nama pena maskulin 'George Eliot' pada pertengahan abad ke-19 untuk memastikan karyanya diambil serius. Menurut rakan Eliot, George Lewes "kerahsiaan penama bertujuan membuat buku itu dinilai berdasarkan meritnya sendiri, dan tidak diprasangka sebagai karya wanita, atau wanita tertentu" (Flood, 2020).

Memfitnah

Nama samaran juga digunakan untuk tujuan pemfitnahan. Pada tahun 2014 seorang blogger yang menggunakan nama samaran Papa Gomo menerbitkan kenyataan fitnah terhadap plaintiff Datuk Seri Anwar Ibrahim. Walaupun disangkal oleh defendan yang beliau adalah identiti tersebut, melalui pemeriksaan balas antara peguam dan saksi, mahkamah telah membuktikan defendan adalah pelaku terbabit. Sekiranya tiada saksi bagi sesuatu kes, identiti penama dapat dikesan melalui log masuk ke akaun media sosial, alamat IP dan nombor telefon yang berdaftar dengan syarikat telekomunikasi (Aainaa Mahirah Ozaimudi, 2021).

Memberi komen negatif

Nama samaran digunakan semasa memberi komen negatif di media sosial. Komen-komen yang berbau perkauman boleh menimbulkan permusuhan antara kaum. Seorang pengguna Twitter berbangsa Melayu, Zainal Abidin Shaiful Bahari telah didakwa menggunakan nama samaran bangsa Cina, Sharon Liew untuk memuat naik kandungan jelik tentang kaum India. Perkara sebegini boleh mengugat keharmonian sesebuah negara (Lelaki 34 tahun dengan nama samaran 'Sharon Liew' didakwa atas catatan berbau perkauman, 2020).

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Nama samaran dalam penulisan

Nama samaran dalam penulisan dikenali sebagai pseudonim ataupun nama pena (Kamus DBP Online, 2017). Terdapat beberapa bentuk nama pena yang digunakan oleh para penulis Melayu. Nama-nama ini diperolehi daripada kajian Ding Choo Ming (1984), Namri Sidek (2017) dan Sinar Bestari (n.d).

Melalui analisis yang dijalankan, akronim seperti A. Samad Said, S M Zakir dan S. Othman Kelantan digunakan. Ada yang menggabungkan sebahagian nama pertama dan nama kedua mereka menjadi nama pena yang baru. Contohnya Hj Baharuddin Zainal yang menggabungkan Baha dan Zain untuk membentuk nama pena Baha Zain. Nama pena Haniruz adalah ejaan terbalik Zurinah, daripada nama Dr Zurinah Hassan. Penggabungan akronim pada nama, sebahagian nama mahupun penstrukturan semula huruf-huruf yang dibentuk secara terbalik adalah satu bentuk inovasi pada nama pena.

Bentuk nama pena yang kedua yang dapat dikenal pasti ialah nama-nama yang berunsurkan alam semulajadi, flora dan fauna, contohnya Ak. Beruang, Dahlia, Kenari Biru, Kemala, Zaen Kasturi dan Arenawati. Menurut Azyantee, Nurmasitah dan Nordiana (2022), pengaruh kuat unsur alam dalam tradisi dan kehidupan masyarakat Melayu dapat dilihat melalui penggunaannya sebagai motif dalam pelbagai aspek kehidupan terutamanya kesenian dan

kebudayaan. Oleh yang demikian, tidak hairanlah motif alam menjadi pilihan dalam membina nama pena dalam kalangan penulis Melayu.

Bentuk nama samaran yang ketiga berunsurkan sifat atau ciri-ciri sahsiah dan keperibadian. Budi Isma dibentuk dengan gabungan perkataan 'budi' yang bermaksud akal atau kebijaksanaan (Kamus DBP Online, 2017) dan 'isma', membawa maksud pemelihara dalam Bahasa Arab (3300 Koleksi Nama-nama Muslim, 2023). Gabungan ini memberi gambaran kebijaksanaan yang digunakan penulis untuk memelihara ilmu dengan menyampaikannya. 'Lela' membawa maksud tingkah laku yang baik manakala 'kencana' bermaksud emas, simbol kepada sesuatu yang berharga. Pembentukan nama pena Lela Kencana bermaksud tingkah laku baik yang berharga.

Bentuk nama pena yang keempat ialah nama-nama yang berunsurkan kepahlawanan dan kepimpinan. Tongkat Warrant, nama pena Usman Awang merupakan gabungan antara 'tongkat' iaitu alat penyokong untuk berjalan dan perkataan Bahasa Inggeris 'warrant' yang bermaksud jaminan (Kamus DBP Online, 2017). Tongkat Warrant mungkin bermaksud satu bentuk sokongan yang meyakinkan dan dipercayai. Keris Mas, dibentuk berasaskan dua perkataan iaitu 'keris' yang menjadi lambang kepahlawanan Melayu dan 'mas' atau 'emas' yang membawa maksud barangan berharga (Kamus DBP Online, 2017). Satria Wijaya pula satu lagi nama pena yang menggambarkan keperwiraan dan 'wijaya' bermaksud kemenangan dalam Bahasa Sanskrit (Kamus DBP Online, 2017). S. Arjuna pula menggunakan perkataan 'Arjuna' yakni dewa Hindu yang masyhur kerana kepahlawanannya (Kamus DBP Online, 2017). Nama-nama ini melambangkan satu perjuangan yang mungkin menjadi simbol perjuangan penulis itu sendiri dalam memperjuangkan penulisan lebih-lebih lagi yang bersifat ilmu dengan tujuan menyebarkan pengetahuan.

Terdapat juga nama pena yang bersifat kerohanian, contohnya Mana Sikana, nama pena sasterawan Abdul Rahman Napiah. Nama pena ini terhasil dari frasa dalam Al-Quran 'manasikanaa' (انكس انام) dari Surah Al-Baqarah ayat 128, bererti 'cara kami (dalam beramal)' (Zabidin Hj

Ismail, 2013). Tambahan pula, penulis juga ialah pelopor kepada teori sastera taabudiyah yang menjadi asas kepada kajian teks kreatif Islam yang dicipta menggunakan kaedah dan pendekatan sastera Islam.

Penulis-penulis kini menggunakan nama pena yang lebih bersifat kontemporari dan komersial. Contohnya nama pena Syamnuriezmil milik penulis Nur Azyyati Abu Bakar, Damya Hanna milik penulis Intan Suhana Ramli dan Aisya Sofea, nama pena penulis Hanizura Jamaludin. Nama-nama ini mempunyai bunyi yang comel dan sedap didengar kerana bunyi ritma yang sama seperti Aisya Sofea dan Damya Hanna yang berakhir dengan bunyi /a/ pada setiap perkataan dalam nama tersebut. Selain itu, nama-nama ini turut mempunyai makna yang baik dalam Islam. Nama pena Papa Gomo pula dari perkataan ‘gomo’ membawa maksud lawan dalam dialek Kelantan. Ini memberikan gambaran bahawa penulis dengan nama pena ini mempunyai motif yang jelas untuk melawan pihak tertentu melalui penulisannya.

Nama samaran dalam Liga Dunia PUBG Mobile Profesional

Menurut Michael (2022, Oktober 13), PUBG Mobile kini dimainkan oleh 400 juta pemain aktif di seluruh dunia. Nama samaran turut digunakan oleh pemain PUBG Mobile (Liquipedia PUBG Mobile, 2023).

Kebanyakan nama samaran adalah dalam Bahasa Inggeris. DamRUDE adalah nama samaran yang menggabungkan dua perkataan dalam Bahasa Inggeris iaitu ‘damn’ dan ‘rude’. ‘Damn’ menurut Cambridge Dictionary (2023) merujuk kepada satu ekspresi kemarahan yang juga bermaksud amat atau sangat. Perkataan ‘damn’ pula telah mengalami pemadaman huruf ‘n’ tanpa menjejaskan bunyi fonetik perkataan tersebut. Ini mungkin boleh dilihat sebagai satu eufemisme bertujuan untuk mengurangkan impak ganas dalam perkataan damn itu sendiri dengan mendatangkan versi yang lebih ‘sopan’. Perkataan ‘rude’ pula dieja dengan huruf besar. ProWritingAid (2023) menyatakan bahawa penggunaan huruf besar dalam penulisan bertujuan memberi penekanan terhadap sesuatu

perkataan dan ia juga kadang-kadang dianggap biadab. Perkataan ‘rude’ itu sendiri membawa maksud biadab (Cambridge Dictionary, 2023), dan kebiadaban ini ditambah dengan efek yang diberikan oleh penulisan dalam huruf besar.

Nama samaran ‘Jumper’ bermaksud seseorang yang mampu melompat tinggi (Cambridge Dictionary, 2023). Ini memberikan gambaran bahawa pemain adalah seorang yang mempunyai kebolehan untuk berubah secara drastik. Nama samaran ‘Joker’ pula bermaksud pelawak (Cambridge Dictionary, 2023). Ia adalah satu watak yang ironis kerana sentiasa dikenali kerana kejahatannya dalam kebanyakan filem Inggeris seperti Batman dan Joker. Nama samaran ‘Hunter’ memberi gambaran bahawa si pemain ialah seseorang yang tidak akan berputus asa sehingga memperoleh mangsanya.

Bentuk nama samaran kedua adalah nama yang digabungkan dengan bunyi mahupun ejaan bahasa lain seperti Inggeris dan Jepun. ‘Soultannn’ adalah nama samaran pemain Fawwaz Sehaiami yang menggabungkan perkataan ‘soul’ dalam Bahasa Inggeris dan ‘sultan’ dalam Bahasa Melayu. Bunyi /soul/ turut menyamai bunyi /sul/ dalam sultan. ‘Sultan’ bermaksud yang memerintah manakala ‘soul’ bermaksud jiwa (Kamus DBP Online, 2017). Pemain ini mungkin ingin menimbulkan perasaan gerun melalui kuasa yang dimilikinya dalam menguasai jiwa para pemain yang lain. ‘Ryuu’ dalam nama samaran RyuuAkhmansyah adalah perkataan Jepun yang bermaksud naga Cina. Naga adalah satu simbol kekuatan dan tuah dalam budaya Cina. Nama ini menggambarkan kekuatan si pemain dan tuahnya dalam mengekalkan kemenangan di sepanjang permainan.

Selain itu, ada juga nama-nama samaran para pemain yang berbentuk seperti nama manja. ‘Appy’ ialah nama samaran pemain Muhammad Haziq Hanafi Bin Mad Zin, ‘Eypul’ ialah nama samaran pemain Mohamad Saiful Anuar dan ‘Kyrul’ nama samaran bagi pemain Khairul Afiq. Bunyi asal /i/ yang dieja menggunakan huruf ‘i’ digantikan dengan huruf ‘y’ dalam nama samaran ‘Appy’, ‘Eypul’ dan ‘Kyrul’ pula menggantikan bunyi /ai/ yang asalnya dieja ‘ai’ dengan versi Inggeris iaitu ‘ey’. Nama samaran ‘Ajiji’ juga

dilembutkan dengan penggantian bunyi /j/ daripada bunyi asal /z/ dalam nama asal pemain iaitu Hazizi. ‘ChuChu’ pula nama samaran comel yang berbunyi seakan-akan bunyi keretapi. Nama-nama sebegini memberi impak yang lebih mesra peminat dan mungkin juga boleh mengaburi mata pihak lawan.

Bentuk nama samaran yang menggunakan Bahasa Melayu adalah sangat kurang. Nama samaran ‘PEMBURU’ memberi gambaran akan seorang pemangsa yang terus berjuang dalam memastikan mangsanya tewas. Tahap keseriusan pemain ini dalam dilihat dalam penggunaan keseluruhan huruf besar dalam nama samaran tersebut yang menandakan satu bentuk penekanan terhadap maknanya (ProWritingAid, 2023).

Nama-nama samaran pemain yang telah dibincangkan menunjukkan bahawa nama yang dibentuk telah diinovasi dengan cara-cara tertentu seperti mengekalkan bunyi, mengubah ejaan dan menggabungkan perkataan. Ini mungkin dilakukan bagi membina keyakinan diri pemain itu sendiri, membina persepsi menakutkan, handal dan berkuasa dalam minda pihak lawan selain membina jenama atau identiti seseorang pemain agar mudah diingati.

Nama samaran penyanyi Hip Hop Malaysia

Kamus DBP Online (2017) turut menyenaraikan nama pentas sebagai nama samaran. Senarai nama samaran penyanyi hip hop Malaysia ini diperoleh dari KultureVulturez (2023). Nama samaran penyanyi hip hop mempunyai lebih pengaruh Bahasa Inggeris. Ini adalah tidak pelik kerana muzik hip hop bermula pada tahun 1970 an di New York, Amerika Syarikat dan seterusnya berkembang ke seluruh dunia (MasterClass, 2021). Oleh itu pengaruh mereka dapat dilihat ke atas penyanyi tempatan sekalipun pada nama samaran yang digunakan.

Kumpulan ‘Too Phat’ yang dianggotai Malique dan Joe Flizzow berasal dari gabungan dua perkataan, ‘too’ yang bermaksud terlalu atau amat dan ‘phat’ yang bermaksud sangat bagus atau cemerlang (Cambridge Dictionary, 2023). ‘Caprice’ pula nama membawa maksud satu kualiti yang kerap dirasai apabila secara tiba-

tiba ingin memikirkan atau melakukan sesuatu idea atau aksi bodoh (Cambridge Dictionary, 2023). Ini memberi tanggapan bahawa seseorang mungkin boleh melakukan apa sahaja termasuk perkara yang kurang masuk akal sama ada dalam nyanyian mahupun penulisan lagu. ‘Clique’ di dalam ‘K Clique’ bermaksud sekumpulan kecil orang yang hanya meluangkan masa bersama di antara mereka dan tidak mengalukan kehadiran orang lain (Cambridge Dictionary, 2023). Yonnyboii pula ialah nama samaran bagi penyanyi Muhammad Haqem Nuriman Nor Azrin. ‘Yonny’ bermaksud serpihan-serpihan batu (Cambridge Dictionary, 2023) manakala ‘boii’ berasal dari perkataan ‘boy’ atau budak lelaki. Nama ini mungkin memberikan gambaran akan kehidupan seorang penyanyi yang masih muda tetapi berhati keras seperti batu. Nama samaran Altimet turut diberikan ejaan Bahasa Melayu dari ejaan asal Bahasa Inggeris ‘ultimate’. Nama samaran Meerfly merupakan gabungan dua perkataan, ‘meer’ bermaksud laut dan ‘fly’ bermaksud alat atau penerbangan (Cambridge Dictionary, 2023). Teh Tarik Crew adalah satu lagi nama samaran bagi penyanyi hip hop tempatan yang mempunyai aura budaya tempatan yang diantarabangsakan. Teh Tarik adalah minuman kegemaran masyarakat Malaysia manakala ‘crew’ bermaksud sekumpulan orang yang bekerja bersama (Cambridge Dictionary, 2023).

Kesimpulan

Penggunaan nama samaran dalam masyarakat Melayu di Malaysia telah mengalami proses perubahan. Nama pena penulis dahulu banyak berkisar tentang budaya Melayu dan menggunakan unsur-unsur dari alam semulajadi, bercirikan keperibadian mulia dan sifat kepahlawanan. Penggunaan nama samaran pemain dalam talian dan penyanyi hip hop lebih cenderung ke arah penamaan Bahasa Inggeris dan gabungan pelbagai bahasa. Proses inovasi dalam pembentukan nama ini dipengaruhi oleh daya kreatif individu dan pendedahan kepada budaya luar dan teknologi moden. Arus perubahan yang membawa kepada inovasi sebegini secara perlahan akan menghakis jati diri Melayu dalam kalangan anak muda. Ini pastinya menjadi batu penghalang dalam mengekalkan nilai dan budaya bangsa Melayu itu sendiri.

Rujukan

- Aainaa Mahirah Ozaimudi @ Hisham Nazir & Cronies (11 Februari 2021). [794.21] Men[sic]fitnah menggunakan nama samaran. Facebook. <https://www.facebook.com/criminallawyer-malaysia/posts/79421-menfitnah-menggunakan-nama-samaran-bagaimana-jika-pihak-yang-menfitnah-meng/3642673375786321/>
- Aleksiejuk, K. (2016). Pseudonyms. In Carole Hough (ed.), *The Oxford handbook of names and naming*, 438–452. Oxford Handbooks Online. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780199656431.013.55>
- Allen, R. E. S. & Wiles, J. L. (2015). A rose by any other name: participants choosing research pseudonyms. *Qualitative Research in Psychology* 13(2), 1-17. <http://dx.doi.org/10.1080/14780887.2015.1133746>
- Azyantee Mohd Zawawi, Nurmasitah Mat Hassan & Nordiana Ab Jabar, (2022). Fungsi bunga-bunga dalam teks pantun Melayu ‘Bingkisan Permata’. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(2), 41–56. <http://journal.umk.edu.my/index.php/teniat/article/view/953>
- Buzwell, G. (2020, October 23). Women writers, anonymity and pseudonyms. *British Library*. <https://www.bl.uk/womens-rights/articles/women-authors-and-anonymity>
- Cambridge Dictionary. (2023). <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english> DBP (2017). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka: Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>
- Ding Choo Ming (1984). Nama samaran/singkatan penulis Melayu Abad 20: Senarai tambahan. *Kekal Abadi* (2) (3). <https://ejournal.um.edu.my/index.php/KA/article/view/9982/7067>
- Flood, A. (2020, August 12). ‘George Eliot’ joins 24 female authors making debuts under their real names. *The Guardian*. <https://www.theguardian.com/books/2020/aug/12/george-eliot-joins-24-female-authors-making-debuts-under-their-real-names#:~:text=Evans%20adopted%20the%20pen%20name,released%20under%20her%20real%20name.>
- Ibáñez, M. (2015, June 16). Blue Jeans, the literary phenomenon that ‘caught me older’. *Youth Literature*. <https://www.actualidadliteratura.com/en/blue-jeans-el-fenomeno-literario-que-me-cogiomayor/>
- Kamus DBP Online (2017). <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>
- KultureVulturez. (2023). Top 20 Malaysian rappers: 2022’s best rappers from Malaysia list. <https://www.kulturevulturez.com/malaysian-rappers/>
- Lelaki 34 tahun dengan nama samaran ‘Sharon Liew’ didakwa atas catatan berbau perkauman. (2 Julai 2020). *Mediacorp*. <https://berita.mediacorp.sg/singapura/lelaki-34-tahun-dengan-nama-samaran-sharon-liewdidakwa-atas-97596>
- Liquipedia PUBG Mobile (2023). *PUBG Mobile Pro League - MYSGPH Fall 2022*. https://liquipedia.net/pubgmobile/PUBG_Mobile_Pro_League/MYSGPH/2022/Fall
- MasterClass. (2021, June 17). Hip-Hop music guide: History of Hip-Hop and notable artists. <https://www.masterclass.com/articles/hip-hop-guide>
- Michael (13 Oktober 2022). Dukong tren esports, ultra voucher gelar PUBG Mobile Community Series. *ESPORT.ID*.
- M. Muslimin (2020). The use of pseudonym in social media. *Proceedings of the International Conference on Community Development (ICCD 2020): Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 477, 490-494. <https://dx.doi.org/10.2991/assehr.k.201017.108>
- Nadiatulkhaira (18 Mei 2018). Mengapa penulis kadang menggunakan nama samaran (namapena)? <https://www.dictio.id/t/mengapa-penulis-kadang-menggunakan-nama-samarannama-pena/86215>
- Namri Sidek (23 September 2017). 5 Tokoh Sasterawan paling berpengaruh di Malaysia. <https://iluminasi.com/bm/5-tokoh-sasterawan-negara-paling-berpengaruh-di-malaysia.html>
- ProWritingAid (2023). Lowercase and uppercase letters: Definition and meaning. <https://prowritingaid.com/lowercase-uppercase-letters>
- Sinar Bestari (n.d). Kenali 14 Sasterawan negara yang banyak berjasa kepada negara. <https://sinarbestari.sinarharian.com.my/komuniti/kenali-14-sasterawan-negara-yang-banyak-berjasa-kepada-negara/>
- 3300 Koleksi Nama-nama Muslim (2023). <https://namadia.com/home?c=I>
- Waters, L. (2022, September 8). Why JK Rowling uses Robert Galbraith pseudonym for Cormoran Strike series. *Evening Standard*. <https://www.standard.co.uk/culture/books/robert-galbraith-jk-rowling-cormoran-strike-in-k-black-heart-b1024038.html>

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK
MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

nar

Setuju.

27.1.2023

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

Yeo, H. (27 Mac 2022). Sinar Harian. Jenama pada nama pena. <https://www.sinarharian.com.my/article/194884/khas/pendapat/jenama-pada-nama-pena>

Zabidin Hj Ismail (28 Januari 2013). Mana Sikana Sasterawan Perak Ke-2. Penulis Perak. <http://penulisperak.blogspot.com/2013/01/mana-sikana-sasterawan-perak-ke-2.html>

Biodata Penulis

Nazima Versay Kudus berkhidmat sebagai pensyarah kanan Bahasa Inggeris di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang. Beliau berminat dan telah menerbitkan penulisan dalam bidang stilistik, wacana, semiotik dan wacana multimodal.

Wan Noorli Razli adalah seorang pensyarah kanan Bahasa Inggeris di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang. Beliau meminati dan telah menerbitkan karya dalam bidang penulisan kreatif serta pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua.